

03 MAY 2003

EKONOMI-SEMAKAN/I

PERTUMBUHAN EKONOMI M'SIA AKAN DISEMAK SEMULA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin akan disemak semula apabila Bank Dunia baru-baru ini telah menurunkan unjuran serantaunya bagi ekonomi-ekonomi Asia Timur berikutan penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis

"Kami sedang mengkaji perkara ini (semakan Bank Dunia)," katanya pada sidang media selepas dialog dengan Pemuda UMNO, di sini, hari ini.

Sebelum ini kerajaan mengunjurkan pertumbuhan 4.5 peratus bagi 2003 dan 6-7 peratus bagi 2004.

Jamaludin berkata ketika beberapa sektor terutamanya pelancongan terjejas akibat SARS, beliau berkata pihak yang terlibat dalam sektor tersebut sepatutnya mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan percutian dalam negeri.

Beliau berkata tiada alasan untuk merasa bimbang kerana SARS tidak berpunca dari negara ini.

Sementara itu, Malaysia sepatutnya perlu berbangga dengan hakikat bahawa ia merupakan antara tujuh negara yang diminta memberi pandangan dalam deraf awal kenyataan bagi pembinaan semula Iraq selepas perang semasa mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Washington bulan lalu.

Jamaludin, yang menghadiri mesyuarat itu berkata selain Malaysia, AS, UK, Russia, Perancis, Jerman dan Jepun diberikan deraf tersebut untuk dibincangkan terlebih dahulu sebelum ia diedarkan kepada anggota lain.

Beliau berkata ini menunjukkan rasa hormat IMF terhadap negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini disusuli pengesahan oleh IMF bahawa kawalan modal Malaysia yang diwujudkan untuk mengendalikan krisis kewangan 1997/98 diterima sebagai satu model pemulihan, kata Jamaludin.

Sementara itu, semasa dialog tersebut, Jamaludin ditanya oleh seorang usahawan mengenai bagaimana syarikatnya yang berasaskan teknologi maklumat (IT) boleh bersaing dengan kehadiran agensi-agensi kerajaan seperti MIMOS Bhd dalam perniagaan yang sama.

Bagi menjawab soalan ini, beliau berkata perkara itu akan ditangani dengan sebaiknya.

Beliau menjelaskan sebelum ini penglibatan Bumiputera yang berkemampuan dalam perniagaan IT begitu kurang dan atas alasan itulah agensi kerajaan terpaksa campur tangan.

Bagaimanapun, kini dengan kemunculan banyak syarikat Bumiputera yang berkebolehan, agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam perniagaan yang sama perlu mengundur diri, katanya. -- BERNAMA

SHO FR ZK